

18/04/2002

Pembangkok diajak banteras sumbang mahram

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

SUBANG, Rabu - Puteri Umno hari ini mengajak parti pembangkang terutama Pas dan Keadilan supaya bersama-sama dalam membanteras jenayah seks terutama kes sumbang mahram yang kian meningkat sejak kebelakangan ini.

Ketua Penaja Puteri Umno Azalina Othman Said, berkata sudah tiba masanya bagi pembangkang mengeneipkan perbezaan ideologi politik masing-masing supaya dapat bersama-sama dalam membantu unit berkenaan mencegah gejala itu.

"Kita dapat lihat, kes sumbang mahram kebanyakannya adalah dari golongan Melayu dan sebagai umat Islam, adalah wajib bagi semua untuk membantu dalam membanteras jenayah terkutuk ini.

"Sekiranya Pas boleh menyelitkan ceramah politik di masjid atau surau, apa salahnya jika mereka dapat selitkan penerangan mengenai sumbang mahram supaya masyarakat lebih peka dengan jenayah ini," katanya selepas merasmikan Persidangan Setiausaha Profesional di sini.

Beliau berkata, Puteri Umno melalui biro undang-undangnya kini sedang giat memberi penerangan kepada masyarakat mengenai jenayah sumbang mahram, di samping menyebarkan risalah mengenainya kepada generasi muda.

Ahad lalu, Puteri Umno menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menggesa kerajaan mengenakan hukuman lebih berat kepada pesalah, serta mencadangkan supaya pesalah berkenaan diberikan rawatan terperinci ketika di penjara.

Azalina berkata, Puteri ingin menjadi "telinga dan mata" kepada kerajaan dalam usaha membanteras gejala ini dari terus merebak.

"Saya yakin, ramai ahli-ahli Puteri yang tahu akan rakan-rakan atau saudara yang menjadi mangsa kepada jenayah ini. Kami ingin membawa keluar segala maklumat yang ada supaya dapat membantu kerajaan dalam mencari jalan penyelesaian terbaik," katanya.

Ditanya sama ada beliau merasakan sudah tiba masanya bagi kokurikulum sekolah menyelitkan pendidikan seks kepada pelajar, Azalina berkata, masalah utama yang timbul adalah berkisar kepada 'kuasa' yang ada kepada pesalah jenayah seks.

"Pesalah sumbang mahram selalunya terdiri dari ahli keluarga mangsa sendiri seperti bapa atau abang. Jadi, mereka (pesalah) selalunya mempunyai kuasa terhadap mangsa ini hingga mangsa takut untuk membuat laporan," katanya.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan perlu melihat semula keperluan diberi perlindungan kepada mangsa sekiranya mereka membuat laporan, dan kaunseling kepada ahli keluarga kerana mereka juga menerima kesan dari jenayah itu.

(END)